

04/11/1997

PSC ambil alih Limbungan Alexandria

Wan Sabariah Shikh Ali

PENANG Shipbuilding and Construction Sdn Bhd (PSC), syarikat kejuruteraan dan pembinaan maritim dalam kumpulan Business Focus Sdn Bhd, ditawarkan oleh Kerajaan Mesir mengemukakan pelan cadangan pengambilalihan Limbungan Alexandria di negara itu menerusi proses penswastaan.

Majlis menandatangani perjanjian awal pengambilalihan itu dimeterai di antara PSC dan Holding Company for Maritime Transportation, syarikat milik Kerajaan Mesir, di Kuala Lumpur semalam dengan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Mesir, Amre Moussa.

PSC diwakili Pengerusi Eksekutif Business Focus, Datuk Amin Shah Omar Shah manakala kerajaan Mesir diwakili Pengarah Urusan Limbungan Alexandria, Kapten Atef Hasan Mohamad Marouni.

"PSC menerima surat tawaran dari Kerajaan Mesir kira-kira dua minggu lalu yang pada prinsipnya menganugerahkan penswastaan Limbungan Alexandria kepada kami," kata Amin Shah pada sidang akhbarinya selepas memeterai perjanjian itu.

Mengikut perjanjian awal itu, PSC dikehendaki mengemukakan cadangan pengambilalihan limbungan itu dalam tempoh enam bulan dari sekarang sebelum Kerajaan Mesir membuat keputusan akhir mengenainya.

Limbungan Alexandria yang terletak di selatan Pelabuhan Alexandria sudah lama beroperasi sebagai kompleks pembinaan dan pembaikan kapal utama di Mediteranean. Kedudukannya berhampiran Terusan Suez menjadikannya pusat penyenggaraan kapal yang strategik.

Limbungan itu berkeluasan 400,000 meter persegi dengan dermaga sepanjang 1,200 meter dan kira-kira 3000 pekerja. Ia mampu membina kapal kargo am sehingga seberat 20,000 dwt dan kapal tangki sehingga 35,000 dwt dengan kapasiti tahunan 52,000 dwt.

Amin Shah berkata, selain meneruskan operasi pembinaan dan penyenggaraan kapal, PSC akan mengemukakan cadangan supaya kegiatan limbungan diperluaskan kepada fabrikasi keluli, penggudangan, kawasan perdagangan bebas (FTZ) dan kemudahan penstoran dingin serta pembaikan kapal tentera.

Penswastaan Limbungan Alexandria, katanya, akan menggunakan konsep yang sama digunakan dalam proses pengambilalihan Naval Dockyard Sdn Bhd (NDSB) di Lumut, Limbungan Tema di Ghana dan Limbungan Wavemaster di Australia.

Katanya, buat masa ini nilai penswastaan belum ditentukan tetapi nilai petunjuk yang dikemukakan oleh Kerajaan Mesir ialah kira-kira RM160 juta.

Kerajaan Mesir mempunyai dasar membenarkan 100 peratus pemilikan asing dalam projek penswastaan. Bagaimanapun, Amin Shah berkata, PSC bercadang memperluaskan asas ekuiti Limbungan Alexandria dengan menyenaraikannya di Bursa Saham Kaherah dan mengambil rakan kongsi tempatan.

(END)